

NO. SOALAN: 370

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN N. SURENDRAN A/L K. NAGARAJAN
[PADANG SERAI]**

RUJUKAN : 10127

SOALAN :

Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab-sebab Kerajaan gagal mengiktiraf kewarganegaraan Malaysia Ayaroo All Nayaranan (No. Kip: 331212-02-5215) yang berumur 84 tahun dan lahir serta hidup di Malaysia untuk seumur hidupnya dan sekarang tinggal di Padang Serai.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Mana-mana individu dinasihatkan untuk merujuk terus ke Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dengan cara hadir ke pejabat, kaunter, e-mel atau panggilan telefon bagi membuat semakan status permohonan kewarganegaraan Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR
[TANJONG]**

SOALAN : 371

Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah jumlah pembayaran fi tetap, fi boleh ubah yang telah dibayar kepada pengendali Sistem Pengangkutan Automatik (AES) sejak dikuatkuasakan atas Automated Awareness Safety System (AWAS).

JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Untuk makluman, kaedah pembayaran antara pihak kerajaan dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) berkaitan pengendalian *Automated Enforcement System* (AES) atau nama barunya *Automated Awareness Safety System* (AwAS) sedang dalam peringkat akhir perbincangan.

PERTANYAAN NO: 372

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN N SURENDRAN A/L K NAGARAJAN
[PADANG SERAI]**

RUJUKAN : 10128

PERTANYAAN :

Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan tertuduh yang dijatuhkan hukuman mati di Mahkamah Tinggi di seluruh negara (tidak termasuk Mahkamah Rayuan dan Persekutuan) dari tempoh tahun 2007 hingga 2017 mengikut jenis kesalahan, jantina dan kewarganegaraan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Rekod Jabatan Penjara Malaysia menunjukkan seramai 1,138 banduan telah disabitkan bersalah oleh Mahkamah dan dijatuhkan hukuman mati bagi tempoh 2007 hingga 10 Julai 2017. Daripada jumlah tersebut, seramai 998 orang merupakan banduan lelaki, manakala 140 orang adalah banduan wanita melibatkan pelbagai kesalahan di bawah Seksyen 302, Seksyen 121 dan Seksyen 396 Kanun Keseksaan, Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya, Seksyen 3 dan Seksyen 7 Akta Senjatapi, Seksyen 3 Akta Culik dan Seksyen 57 (1) (a) *Internal Security Act*.

Dari segi kewarganegaraan pula, seramai 525 orang banduan merupakan warganegara asing dan bakinya seramai 613 orang banduan merupakan warganegara Malaysia.

NO. SOALAN: 373

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN N. SURENDRAN A/L K.
NAGARAJAN [PADANG SERAI]**

TARIKH :

RUJUKAN : 10129

SOALAN :

Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah kematian dalam tahanan untuk kesemua pusat tahanan/depot imigresen, lokap polis dan penjara mengikut negeri untuk seluruh negara dari tempoh tahun 2007 hingga 2017 dan jumlah inkues kematian yang telah dijalankan bagi kematian seperti itu bagi tempoh yang sama.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik kematian dalam lokap polis bagi tahun 2007 hingga Jun 2017 adalah seperti berikut:

BIL	TAHUN	P	L	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	WARGA ASING	JUMLAH
1	2007	0	19	9	3	3	2	2	19
2	2008	0	12	4	4	1	1	2	12
3	2009	0	7	1	2	4	0	0	7
4	2010	0	9	5	1	3	0	0	9
5	2011	0	17	11	3	1	0	2	17
6	2012	2	17	4	4	6	2	3	19
7	2013	2	18	3	5	5	0	7	20
8	2014	0	18	6	4	6	0	2	18
9	2015	0	12	6	1	2	0	3	12
10	2016	0	15	6	2	4	0	3	15
11	2017	0	8	3	2	2	0	1	8
JUMLAH		4	152	58	31	37	5	25	156

Catatan : P - Perempuan
L - Lelaki

Statistik kematian dalam lokap polis bagi tahun 2007 hingga Jun 2017 mengikut tindakan yang diambil adalah seperti berikut:

BIL	TAHUN	DAKWA	MASIH INKUES	SELESAI INKUES	TIADA INKUES OLEH MAJISTRET	RUJUK DPP	RUJUK MAJISTRET	DALAM SIASATAN	NFA	JUM
1	2007	0	0	5	10	3	0	0	1	19
2	2008	0	0	7	5	0	0	0	0	12
3	2009	1(JATUH HUKUM)	1	2	3	0	0	0	0	7
4	2010	0	0	2	3	2	2	0	0	9
5	2011	0	1	4	8	2	2	0	0	17
6	2012	0	0	8	6	2	3	0	0	19
7	2013	1 (A&D)	3	3	3	6	2	2	0	20
8	2014	0	2	2	1	9	2	2	0	18
9	2015	0	0	0	0	2	3	7	0	12
10	2016	2	2	0	0	0	0	10	1	15
11	2017	0	0	0	0	0	0	8	0	8
JUMLAH		4	9	33	39	26	14	29	2	156

** Nota : Acquittal and Discharge (A&D)

Statistik Jabatan Penjara menunjukkan dari tahun 2010 hingga 10 Julai 2017 didapati seramai 1,808 orang penghuni penjara telah meninggal dunia di hospital semasa menerima rawatan lanjut HIV, kanser, asma, tibi serta penyakit yang berkaitan dengan masalah jantung, darah, paru-paru dan lain-lain. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,121 orang Melayu, 254 orang Cina, 202 orang India, 32 lain-lain bangsa dan 199 adalah warganegara asing.

Sementara itu, jumlah kes kematian dalam Depot Tahanan Imigresen (DTI) yang direkodkan dari tahun 2014 sehingga 30 Jun 2017 adalah seramai 172 orang berpunca daripada penyakit tibi, HIV, jangkitan paru-paru, komplikasi jantung, denggi, kencing manis, sesak nafas, kegagalan fungsi organ dan sebagainya.

Pecahan kematian mengikut warganegara adalah seperti berikut:-

i)	Myanmar	-	77 orang
ii)	Indonesia	-	25 orang
iii)	Bangladesh	-	15 orang
iv)	India	-	12 orang
v)	Kemboja	-	11 orang
vi)	Nepal	-	6 orang
vii)	Pakistan	-	5 orang
viii)	Nigeria	-	5 orang
ix)	Thailand	-	4 orang
x)	Vietnam	-	3 orang
xi)	China	-	2 orang
xii)	Lain – lain	-	7 orang